

Petani guna karavan pasarkan hasil pertanian

Kosmo 26/04/09 m/s 6.

Pasar tani bakal berubah wajah

Oleh ROSMALINA ABD. KADIR
berita@kosmo.com.my

SERDANG - Pasar tani di negara ini bakal berubah wajah ekoran keputusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mahu konsep karavan atau pasar tani bergerak dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun bagi menggantikan penggunaan kanopi ketika ini.

Menterinya, Datuk Noh Omar memberitahu, kementeriannya kini menjalin kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan perancangan itu berjalan lancar, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan dan potensi pasar tani secara keseluruhan.

Katanya, dengan penggunaan karavan tersebut, pengusaha pasar tani akan mempunyai lebih banyak masa dan tempat untuk berniaga dan tidak terhad pada satu-satu kawasan dan berniaga pada hari-hari tertentu sahaja.

"Saya akan minta kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya memberi kebenaran kepada karavan-karavan itu untuk berniaga di tempat-tempat tumpuan awam dan mereka juga boleh masuk ke dalam kawasan perumahan untuk menjalankan perniagaan.

"Saya mahu para pengusaha ini bergerak bebas untuk mencari pelanggan, kerana dengan cara ini mereka dapat menjana lebih



NOH (tengah) meninjau gerai Maulud Mohd. Tan (kiri) yang menjual keli salai di pasar tani tapak MAHA, Serdang semalam.

pendapatan," kata Noh ketika ditemui di pasar tani tapak Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) di sini semalam.

Selain itu, katanya, penggunaan karavan

juga akan membolehkan orang ramai tidak perlu bersusah-payah untuk keluar mendapatkan bahan-bahan mentah kerana ia boleh didapati melalui karavan yang masuk ke kawasan perumahan mereka.

"Melalui cara ini juga, pengguna boleh mendapatkan bahan mentah yang segar dan tidak perlu bersusah-payah keluar jauh dari rumah untuk mendapatkan sumber makanan berkenaan," jelas beliau.

Noh bagaimanapun menjelaskan, pihaknya menggalakkan pengusaha untuk membeli karavan sendiri.

"Buat masa ini saya galakkan pengusaha pasar tani untuk beli sendiri karavan sebelum kita selaraskan kenderaan tersebut dan salurkan bantuan-bantuan yang boleh diberi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Noh memberitahu, kerajaan sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM4 juta bagi mewujudkan pusat pengumpulan mini atau kedai rakyat yang dapat membantu pengusaha kecil memasarkan hasil pertanian mereka.

"Kedai rakyat ini akan diusahakan usahawan tani yang juga ahli persatuan peladang kawasan. Mereka akan masuk ke kampung-kampung dan membeli hasil-hasil pertanian kecil yang dijalankan untuk diserahkan kepada FAMA sebelum dipasarkan.

"Melalui cara ini, tidak timbul lagi masalah petani tidak dapat pasarkan hasil pertanian kerana saluran yang tepat bakal diwujudkan dalam masa terdekat," katanya.